
Praktis KBAT

Praktis 1 Pengenalan kepada Perakaunan

1. Puan Zubaidah merupakan pemilik perniagaan bagi sebuah kedai yang dikenali sebagai Makmur Store. Lakaran grafik di bawah menunjukkan jenis Penyata Kewangan yang disediakan oleh perniagaannya untuk menunjukkan keadaan dan perjalanan perniagaan serta membekalkan maklumat yang bermanfaat kepada pelbagai pengguna.



(a) Terdapat lapan peringkat dalam suatu kitaran perakaunan yang perlu diikuti oleh perniagaan Puan Zubaidah untuk menyediakan penyata kewangan perniagaannya. Nyatakan kesemua peringkat tersebut mengikut urutan yang betul.

(b) Bagaimanakah penyediaan Penyata Kewangan dapat dikaitkan dengan subbidang perakaunan yang berikut?
(i) Perakaunan kewangan
(ii) Pengauditan

(c) Kerelevanan dan perwakilan benar merupakan dua ciri kualitatif yang perlu dipenuhi oleh Penyata Kewangan. Nyatakan **satu** persamaan antara kedua-dua ciri kualitatif tersebut.

(d) Adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memerlukan Penyata Kewangan yang disediakan oleh perniagaan Puan Zubaidah? Mengapa?

(e) Bagaimanakah andaian, prinsip atau batasan dalam perakaunan yang berikut diamalkan semasa menyediakan Penyata Kewangan pada akhir tempoh perakaunan?
(i) Tempoh perakaunan
(ii) Prinsip kos
(iii) Pengiktirafan hasil dan belanja
(iv) Kos manfaat

(f) Penyata Kewangan yang disediakan menunjukkan untung atau rugi yang diperoleh perniagaan Puan Zubaidah pada suatu tahun tertentu.
(i) Bagaimanakah untung atau rugi tersebut diagihkan dalam perniagaannya?
(ii) Bagaimanakah cara anda mengetahui pengagihan adalah sedemikian?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis KBAT

Praktis 2 Klasifikasi Akaun dan Persamaan Akaun

1. Baki-baki yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Razif pada 30 September 2024.

	RM
Kenderaan	14 000
Alatan Pejabat	8 200
Perabot	6 000
Tunai	2 000
Bank	18 800
Inventori	1 600
Akaun Belum Terima	2 400
Akaun Belum Bayar	3 600
Modal	?

Urus niaga di bawah berlaku sepanjang bulan Oktober 2024.

(i) Membeli barang niaga yang berjumlah RM14 400 secara kredit.
(ii) Membayar hutang berjumlah RM10 000 kepada pembekal dengan cek dan diskaun RM400 diterima.
(iii) Pemilik membeli sebuah komputer berharga RM1 800 untuk kegunaan anaknya dengan cek.
(iv) Menjual barang niaga berkos RM14 600 pada harga RM17 540 secara kredit.
(v) Membawa masuk tunai peribadi sebanyak RM8 000 dan tunai dibankkan.
(vi) Menjual meja bernilai RM100 dengan harga RM120 dan tunai diterima.
(vii) Membayar sewa berjumlah RM600 dengan cek.
(viii) Menjual 20% daripada baki inventori dengan harga RM400 dan cek diterima.
(ix) Menerima komisen berjumlah RM90 secara tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2024 (semua pengiraan hendaklah ditunjukkan di luar Penyata Kedudukan Kewangan).

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Penyata Kedudukan Kewangan di bawah diperoleh daripada Perniagaan Teo pada 30 April 2024.

Perniagaan Teo
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2024

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			**Ekuiti Pemilik**		
Kelengkapan	8 000		Modal		68 600
Premis	30 000				
Kenderaan	14 000		**Liabiliti Semasa**		
		52 000	Gaji Belum Bayar	1 600	
Aset Semasa			Akaun Belum Bayar	12 060	
Tunai	560				13 660
Bank	16 600				
Inventori	4 300				
Akaun Belum Terima	8 800				
		30 260			
		82 260			82 260

Urus niaga di bawah berlaku sepanjang bulan Mei 2024.

(i) Membawa masuk kelengkapan yang bernilai RM1 600 dari rumah untuk kegunaan perniagaan.
(ii) Mengambil tunai di bank sebanyak RM400 untuk membayar sewa rumah kediaman.
(iii) Membeli sebuah van terpakai yang berharga RM2 000 dengan cek.
(iv) Membeli barang niaga yang berjumlah RM300 secara tunai.
(v) Membeli barang niaga yang berjumlah RM12 000 secara kredit.
(vi) Menjual barang niaga berkos RM2 000 pada harga RM2 500 secara tunai dan tunai dibankkan.
(vii) Membayar gaji belum bayar dengan cek.
(viii) Membayar insurans berjumlah RM450 dengan cek.
(ix) Mendapat pinjaman daripada pihak bank sebanyak RM20 000.
(x) Menerima cek berjumlah RM4 200 daripada pelanggan dan diskaun RM250 diberi.
(xi) Sekeping cek daripada pelanggan berjumlah RM700 telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Anda dikehendaki:

(a) melengkapkan jadual di bawah untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga terhadap persamaan perakaunan.

Urus niaga	Kelengkapan	Premis	Kenderaan	Tunai	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Gaji Belum Bayar	Akaun Belum Bayar	Ambilan	Pinjaman Bank	Untung Bersih
Baki b/b	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
(i)													
(ii)													
(iii)													
(iv)													
(v)													
(vi)													
(vii)													
(viii)													
(ix)													
(x)													
(xi)													
Baki h/b													

(b) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2024.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 3

Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat

Dokumen-dokumen yang berikut diperoleh daripada Kedai Pakaian Mimi.

ASAL No. 450

INVOIS
Pembekal Pakaian Kumar
No.42, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada: Tarikh: 5 Jun 2024

Kedai Pakaian Mimi
No.80, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Baju sukan	18	100	1 800
2.	Seluar sukan	35	100	3 500
3.	Tali leher	10	50	500
				5 800
			Tolak: Diskaun Niaga 10%	580
			JUMLAH	5 220

Ringgit: Lima ribu dua ratus dua puluh sahaja

Syarat : *10% 10 hari, 5% 15 hari*
Serahan : *Angkutan dibayar*
K. & K. di K.

Mimi (Penerima)

Kumar (Pengurus)

Dokumen 1

ASAL No. 78

NOTA DEBIT
Pembekal Pakaian Kumar
No.42, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada: Tarikh: 6 Jun 2024

Kedai Pakaian Mimi
No.80, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Akaun tuan/ puan telah didebitkan seperti berikut:

Keterangan	Jumlah (RM)
100 helai baju sukan terkurang caj RM2	200
Tolak: Diskaun Niaga 10%	20
JUMLAH	180

Ringgit: Satu ratus lapan puluh sahaja

Mimi (Penerima)

Kumar (Pengurus)

Dokumen 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

ASAL No. 30

NOTA KREDIT
Pembekal Pakaian Kumar
No.42, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada: Tarikh: 8 Jun 2024

Kedai Pakaian Mimi
No.80, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Akaun tuan/ puan telah dikreditkan seperti berikut:

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Tali leher (tersilap jenama)	2	10	20
				20
			Tolak: Diskaun Niaga 10%	2
			JUMLAH	18

Ringgit: Lapan belas sahaja

Mimi
(Penerima)

Kumar
(Pengurus)

Dokumen 3

RESIT RASMI **ASAL**

Pembekal Pakaian Kumar Tarikh: ? Jun 2024
No.42, Jalan Pingai,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Diterima daripada: Kedai Pakaian Mimi
Sebanyak: ? sahaja
Untuk bayaran: Menjelaskan Invois No.450

RM?
~~Tunai~~/No.Cek: 18756

Kumar
(Pengurus)

Dokumen 4

Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan yang berikut:

(a) Jelaskan maksud K. & K. di K. yang terdapat dalam Dokumen 1.

(b) Syarat serahan yang dinyatakan dalam Dokumen 1 ialah angkutan dibayar. Siapakah yang menanggung kos penghantaran barang niaga yang dibeli oleh Kedai Pakaian Mimi?

(c) Nyatakan tujuan Pembekal Pakaian Kumar memberi diskaun niaga kepada Kedai Pakaian Mimi.

(d) Mengapakah Pembekal Pakaian Kumar memberi diskaun tunai kepada Kedai Pakaian Mimi?

(e) Berikan **dua** sebab yang mungkin menyebabkan Dokumen 2 dikeluarkan oleh Pembekal Pakaian Kumar.

(f) Pada 8 Jun 2024, Kedai Pakaian Mimi menerima Dokumen 3 daripada Pembekal Pakaian Kumar. Berikan **dua** sebab yang mungkin menyebabkan Kedai Pakaian Mimi memulangkan barang niaga yang dibeli kepada Pembekal Pakaian Kumar.

(g) Berdasarkan Dokumen 4, bagaimanakah kaedah bayaran hutang yang dibayar oleh Kedai Pakaian Mimi?

(h) Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar oleh Kedai Pakaian Mimi setelah mengambil kira Dokumen 2 dan Dokumen 3?

(i) Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar oleh Kedai Pakaian Mimi jika menjelaskan hutangnya pada 12 Jun 2024?

(j) Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar oleh Kedai Pakaian Mimi jika menjelaskan hutangnya pada 18 Jun 2024?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis KBAT

Praktis 4 Buku Catatan Pertama

1. Jurnal Am yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Joey.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2024			**RM**	**RM**
Jul. 3	Alatan pejabat		1 600	
	Modal			1 600
6	Ambilan		300	
	Belian			300
10	Perabot		1 800	
	Modal			1 800
16	Kenderaan		40 000	
	Pembekal Kereta Halim			40 000
25	Promosi		500	
	Belian			500

Anda dikehendaki menyatakan urus niaga yang berlaku pada tarikh yang berikut:

Tarikh	Urus niaga
3 Julai 2024	
6 Julai 2024	
10 Julai 2024	
16 Julai 2024	
25 Julai 2024	

2. Perniagaan Heng menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada 1 Oktober 2024.

Tarikh : *1 Oktober 2024*
Penerima : *Kerani Akaun*
Untuk : *Tunai Runcit*

	Ringgit	Sen
Baki akhir	10 000	00
Deposit	–	–
Jumlah	10 000	00
Cek ini	250	00
Baki	9 750	00

ABMB **No. Cek 128 004**

Dokumen 1

V01

BAUCAR TUNAI RUNCIT
Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Tarikh: 1 Oktober 2024

Keterangan	Jumlah (RM)
Surat khabar (langganan sebulan)	31
JUMLAH	31

Ringgit: Tiga puluh satu sahaja

Tunai/~~No. Cek~~:

Aina (Penerima)

Heng (Pengurus)

Dokumen 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

V02

BAUCAR TUNAI RUNCIT
Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Tarikh: 3 Oktober 2024

Keterangan	Jumlah (RM)
Setem	3
JUMLAH	3

Ringgit: Tiga sahaja

Tunai/~~No. Cek~~:

Aina (Penerima)

Heng (Pengurus)

Dokumen 3

V03

BAUCAR TUNAI RUNCIT
Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Tarikh: 8 Oktober 2024

Keterangan	Jumlah (RM)
Tambang bas	8
JUMLAH	8

Ringgit: Lapan sahaja

Tunai/~~No. Cek~~:

Aina (Penerima)

Heng (Pengurus)

Dokumen 4

23232

Kedai Runcit Zaki
No.6, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kopi	RM 20.00
Gula	RM 3.00
Jumlah	RM 23.00
Tunai	RM 30.00
Baki	RM 7.00

10 Oktober 2024
Sekian terima kasih

Dokumen 5

ASAL No. 158

BIL TUNAI
Kedai Alat Tulis Lim
No.75, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada:
Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru, Johor.

Tarikh: 14 Oktober 2024

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Pen	10	1	10
2	Kertas	1	12	12
			JUMLAH	22

Ringgit: Dua puluh dua sahaja

Tunai/ ~~No.Cek~~:

Lim (Pengurus)

Dokumen 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

BAUCAR TUNAI RUNCIT V04

Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru, Johor.

Tarikh: 16 Oktober 2024

Butir	Jumlah (RM)
Sampul surat	3
JUMLAH	3

Ringgit: Tiga sahaja

Tunai/~~No.Cek~~:

Aina (Penerima)

Heng (Pengurus)

Dokumen 7

ASAL No. 89

BIL TUNAI
Perkhidmatan Cucian Bersih
No.30, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada: Tarikh: 28 Oktober 2024
Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru, Johor.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Mencuci pejabat	1/2 hari	60	60
			JUMLAH	60

Ringgit: Enam puluh sahaja
Tunai/ ~~No.Cek~~:

Saliah (Pengurus)

Dokumen 8

No. 100

BAUCAR PEMBAYARAN

Perniagaan Heng
No.43, Jalan Pingai,
Taman Pingai,
80400 Johor Bahru,
Johor.

Kepada: Tarikh: 31 Oktober 2024
Aina

Keterangan	Jumlah (RM)
Gaji pekerja	3 500

Ringgit: Tiga ribu lima ratus sahaja

~~Tunai~~/ No.Cek: 140 056

Aina (Penerima)

Heng (Pengurus)

Dokumen 9

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 November 2024 dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pejabat, Belanja Pos dan Belanja Pengangkutan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis KBAT

Praktis 5 Lejar

Baki-baki Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Fathiyyah pada 1 April 2024.

Baki-baki Akaun Belum Terima pada 1 April 2024:	**RM**
Kedai Suhaila	400
Perniagaan Azlina	4 560
Kedai Raju	1 000

Baki-baki Akaun Belum Bayar pada 1 April 2024:	**RM**
Pembekal Suresh	2 780
Pembekal Anna	2 970

Buku Catatan Pertama di bawah berkaitan dengan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan April 2024.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2024			**RM**	**RM**
Apr. 30	Kedai Raju		120	
	Diskaun Diberi			120
	(Merekod diskaun diberi yang dibatalkan)			
	Hutang Lapuk		400	
	Kedai Suhaila			400
	(Merekod hutang lapuk)			
	Faedah		25	
	Pembekal Suresh			25
	(Merekod faedah yang dikenakan oleh pembekal)			
	Angkutan Masuk		350	
	Pembekal Anna			350
	(Merekod angkutan masuk)			

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2024				**RM**
Apr. 2	Pembekal Anna		156	1 300
18	Pembekal Suresh		179	2 700
30	Akaun Belian (Dt)			4 000

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2024				**RM**
Apr. 5	Perniagaan Azlina		301	1 840
21	Kedai Diana		302	1 600
30	Akaun Jualan (Kt)			3 440

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Folio	No.Dokumen	Jumlah
2024				**RM**
Apr 3	Pembekal Anna		34	100
30	Akaun Pulangan Belian (Kt)			100

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No.Dokumen	Jumlah
2024				**RM**
Apr. 7	Perniagaan Azlina		46	140
30	Akaun Pulangan Jualan (Dt)			140

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Folio	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Diskaun Diterima	Tunai	Bank
2024			**RM**	**RM**	**RM**	2024			**RM**	**RM**	**RM**
Apr. 2	Kedai Raju		120		880	Apr. 3	Belian				1000
4	Perniagaan Azlina		460		4100		Kedai Raju (Cek tak laku)				880
27	Jualan				3 500	16	Pembekal Suresh		125		2 680
						24	Belian				1 900

(a) **Anda dikehendaki menyediakan:**
   (i) Akaun Kawalan Belum Terima.
   (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar.

(b) **Anda dikehendaki menghitung:**
   (i) Jumlah jualan.
   (ii) Jumlah belian.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 6

Imbangan Duga

Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Sharifah pada 31 Julai 2024.

Perniagaan Sharifah
Imbangan Duga pada 31 Julai 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	98 000	
Jualan		156 800
Pulangan Keluar	1 500	
Kadar Bayaran	1 380	
Insurans	900	
Gaji	5 400	
Bank (overdraf)		6 800
Akaun Belum Terima	21 800	
Akaun Belum Bayar		22 400
Inventori pada 1 Ogos 2023	14 130	
Inventori pada 31 Julai 2024	15 070	
Premis (kos)	70 000	
Kenderaan (kos)	36 000	
Ambilan		2 540
Pulangan Masuk		1 220
Angkutan Masuk	750	
Angkutan Keluar		660
Faedah atas Overdraf Bank		340
	264 930	190 760

Imbangan Duga di atas adalah tidak seimbang.
Anda dikehendaki menyediakan Imbangan Duga tersebut selepas mengenal pasti kesilapan dan ketinggalan butiran.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis KBAT

Praktis 7 Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan

1. Baki-baki yang diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Mimi pada 31 Julai 2024.

	RM
Ambilan	440
Sewa Diterima	10 800
Insurans	1 740
Kadar Bayaran	2 400
Promosi	580
Belian	34 700
Jualan	69 300
Pulangan Keluar	700
Pulangan Masuk	1 290
Bank	13 800
Tunai	2 500
Kenderaan	20 000
Akaun Belum Terima	1 940
Akaun Belum Bayar	2 120
Angkutan Masuk	750
Angkutan Keluar	630
Upah atas Belian	800
Gaji	12 600
Inventori pada 1 Ogos 2023	7 560
Modal pada 1 Ogos 2023	71 570
Komisen Diterima	1 440
Perabot	3 500
Alatan Pejabat	5 700
Premis	45 000

Maklumat tambahan:
Inventori pada 31 Julai 2024 dinilaikan sebanyak RM7 240 pada harga kos dan RM7 560 pada harga pasaran.

Anda dikehendaki menyediakan (dalam bentuk "T"):
(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024.
(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Fiona pada 30 November 2024.

Perniagaan Fiona
Imbangan Duga pada 30 November 2024

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Disember 2023		50 390
Inventori pada 1 Disember 2023	12 470	
Belian dan Jualan	37 800	76 400
Pulangan	500	1 070
Diskaun	760	840
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 400	8 750
Kenderaan	24 000	
Alatan Pejabat	5 600	
Premis	37 200	
Ambilan	940	
Angkutan Masuk	1 050	
Angkutan Keluar	850	
Tunai	1 430	
Bank	7 500	
Insurans	780	
Gaji	10 800	
Kadar Bayaran	1 680	
Alat Tulis	120	
Faedah atas Pinjaman Bank	800	
Sewa		7 200
Komisen	550	
Belanja Am	420	
Pinjaman Bank		10 000
	154 650	154 650

Maklumat tambahan:

Inventori pada 30 November 2024 dinilai dan direkodkan secara berasingan seperti berikut:

Kad inventori	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
1	3 460	3 280
2	3 950	4 200
3	4 690	4 370

Anda dikehendaki menyediakan (dalam bentuk penyata):

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 2024.

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2024.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 8 Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal

Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Jane.

Perniagaan Jane
Imbangan Duga pada 31 Julai 2024

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Ogos 2023		146 470
Tunai	780	
Bank	19 000	
Akaun Belum Terima	8 000	
Akaun Belum Bayar		5 300
Inventori pada 1 Ogos 2023	2 450	
Belian	37 000	
Jualan		80 000
Pulangan Belian		140
Pulangan Jualan	170	
Kenderaan	28 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		5 600
Premis	160 000	
Susut Nilai Terkumpul Premis		32 000
Perabot	12 000	
Susut Nilai Terkumpul Perabot		1 200
Insurans	1 250	
Kadar Bayaran	2 400	
Gaji	6 500	
Sewa Diterima		6 840
	277 550	277 550

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Julai 2024 dinilaikan pada RM1 600 pada harga kos dan RM1 860 pada harga pasaran.
(ii) Jualan kredit sebanyak RM360 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
(iii) Seorang pelanggan telah diisyitharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM200 dihapus kira.
(iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% setahun atas Akaun Belum Terima Bersih.
(v) Insurans yang perlu dibayar pada setiap bulan ialah RM120.
(vi) Kadar bayaran prabayar ialah RM300.
(vii) Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
(viii) Premis disusutnilaikan sebanyak 5% setahun atas kos.
(ix) Perabot disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
(x) Gaji yang masih belum dibayar kepada pekerja ialah RM500.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Jurnal Am (keterangan diperlukan) bagi maklumat tambahan (ii) hingga (xi).

(b) Imbangan Duga Terselaras pada 31 Julai 2024.

(c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi 31 Julai 2024 (dalam bentuk penyata).

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis KBAT

Praktis 9 Pembetulan Kesilapan

1. Imbangan Duga di bawah diperoleh daripada Perniagaan Rui Ping.

Perniagaan Rui Ping
Imbangan Duga pada 30 September 2024

	Debit RM	Kredit RM
Akaun lain yang berbaki debit	38 160	
Akaun lain yang berbaki kredit		31 510
Bank	10 000	
Belian	33 160	
Jualan		59 680
Pulangan	1 240	850
Perabot	6 000	
Belanja Am	420	
Kadar Bayaran	1 160	
Ambilan	2 500	
Akaun Belum Terima: Lina	9 700	
Akaun Belum Terima: Kedai Lisa	6 000	
Akaun Belum Bayar		16 300
	108 340	108 340

Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan.

(i) Belian barang niaga berharga RM3 751 secara kredit telah dicatat sebagai RM3 715 dalam buku.

(ii) Penerimaan cek daripada Kedai Lisa berjumlah RM530 telah direkodkan dalam Akaun Lina.

(iii) Belian perabot sebanyak RM800 telah direkodkan dalam Akaun Belian.

(iv) Bayaran hutang sebanyak RM390 kepada Akaun Belum Bayar masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.

(v) Pulangan belian dan pulangan jualan telah terlebih nilai sebanyak RM40 masing-masing.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan.

(b) lejar untuk membetulkan kesilapan.

(c) Imbangan Duga Terselaras selepas pembetulan kesilapan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Akaun Untung Rugi disediakan oleh Encik Harun, seorang kerani akaun bagi Perniagaan Zahid bagi tahun berakhir 30 September 2024.

Perniagaan Zahid
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2024

	RM	RM
Untung Kasar		27 800
Tambah: Hasil		
Komisen Diterima		1 200
		29 000
Tolak: Belanja		
Hutang Lapuk	580	
Komisen Diberi	320	
Angkutan Keluar	1 400	
Sewa	6 800	
Gaji	4 200	(13 300)
Untung Bersih		15 700

Selepas Akaun Untung Rugi di atas disediakan, beberapa kesilapan telah ditemui:

(i) Inventori akhir terkurang nilai sebanyak RM390.

(ii) Hutang lapuk termasuk hutang lapuk terpulih sebanyak RM280.

(iii) Angkutan masuk sebanyak RM620 telah tersilap rekod sebagai angkutan keluar.

(iv) Bayaran komisen sebanyak RM120 telah direkodkan dalam Akaun Komisen Diterima.

(v) Gaji berjumlah RM200 yang dibayar telah tersalah catat dalam Akaun Sewa.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) penyata untuk menyelaras untung kasar.

(b) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2024 selepas menyelaras untung kasar.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Praktis 1 Pengenalan kepada Perakaunan

1. (a) Dokumen Perniagaan → Buku Catatan Pertama → Lejar → Imbangan Duga → Pelarasan → Imbangan Duga Terselaras → Catatan Penutupan → Penyata Kewangan

(b) (i) Laporan maklumat perakaunan perlu disediakan dalam bentuk Penyata Kewangan.

(ii) Juruaudit perlu memastikan penyediaan Penyata Kewangan mematuhi piawaian perakaunan yang diterima umum.

(c) Kedua-duanya merupakan ciri kualitatif asas.

(d) Ya. LHDN memerlukan Penyata Kewangan untuk tujuan semakan dan percukaian.

(e) (i) Menyediakan Penyata Kewangan mengikut suatu tempoh masa yang ditetapkan seperti enam bulan atau setahun untuk tujuan pelaporan.

(ii) Nilai aset bukan semasa mestilah direkodkan mengikut harga belian asal dan bukannya mengikut nilai pasaran semasa atau nilai masa hadapan.

(iii) Semua hasil (belum terperoleh atau belum terima) dan semua belanja (prabayar atau belum bayar) mesti diambil kira.

(iv) Kos penyediaan maklumat hendaklah kurang daripada nilai maklumat tersebut kepada pengguna Penyata Kewangan.

(f) (i) Keuntungan dinikmati sepenuhnya oleh Puan Zubaidah manakala kerugian ditanggung olehnya sepenuhnya.

(ii) Bentuk organisasi bagi perniagaan Puan Zubaidah ialah milikan tunggal.

Praktis 2 Klasifikasi Akaun dan Persamaan Akaun

1.

Perniagaan Razif
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2024

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			**Ekuiti Pemilik**		
Kenderaan	14 000		Modal		57 400
Alatan Pejabat	8 200		*Tambah:* Untung Bersih		2 970
Perabot	5 900				60 370
		28 100	*Tolak:* Ambilan		(1 800)
Aset Semasa					58 570
Tunai	2 210		**Liabiliti Semasa**		
Bank	14 800		Akaun Belum Bayar		7 600
Inventori	1 120				
Akaun Belum Terima	19 940				
		38 070			
		66 170			66 170

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pengiraan:

Urus niaga	Kenderaan	Alatan Pejabat	Perabot	Tunai	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Akaun Belum Bayar	Ambilan	Untung Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki b/b	14 000	8 200	6 000	2 000	18 800	1 600	2 400	49 400	3 600		
(i)						14 400			14 400		
(ii)					(10 000)				(10 400)		400
(iii)					(1 800)					1 800	
(iv)						(14 600)	17 540				2 940
(v)					8 000			8 000			
(vi)			(100)	120							20
(vii)					(600)						(600)
(viii)					400	(280)					120
(ix)				90							90
Baki h/b	14 000	8 200	5 900	2 210	14 800	1 120	19 940	57 400	7 600	1 800	2 970

2. (a)

Urus niaga	Kelengkapan	Premis	Kenderaan	Tunai	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Gaji Belum Bayar	Akaun Belum Bayar	Ambilan	Pinjaman Bank	Untung Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki b/b	8 000	30 000	14 000	560	16 600	4 300	8 800	68 600	1 600	12 060			
(i)	1 600							1 600					
(ii)					(400)						400		
(iii)			2 000		(2 000)								
(iv)				(300)		300							
(v)						12 000				12 000			
(vi)					2 500	(2 000)							500
(vii)					(1 600)				(1 600)				
(viii)					(450)								(450)
(ix)					20 000							20 000	
(x)					4 200		(4 450)						(250)
(xi)					(700)		700						
Baki h/b	9 600	30 000	16 000	260	38 150	14 600	5 050	70 200	0	24 060	400	20 000	(200)

(b)

Perniagaan Teo
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2024

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			**Ekuiti Pemilik**		
Kelengkapan	9 600		Modal		70 200
Premis	30 000		*Tambah:* Rugi Bersih		(200)
Kenderaan	16 000				70 000
		55 600	*Tolak*: Ambilan		(400)
					69 600
Aset Semasa			**Liabiliti Semasa**		
Tunai	260		Akaun Belum Bayar		24 060
Bank	38 150				
Inventori	14 600		**Liabiliti Bukan Semasa**		
Akaun Belum Terima	5 050				
		58 060	Pinjaman bank		20 000
		113 660			113 660

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 3 Dokumen Perniagaan Sebagai Sumber Maklumat

(a) K. & K. di K. bermaksud kesilapan dan ketinggalan dikecualikan. Syarat ini membolehkan pihak pembekal membetulkan kesilapan dalam invois sama ada terlebih caj atau terkurang caj.

(b) Pembekal Pakaian Kumar

(c) Menggalakkan Kedai Pakaian Mimi membeli barang niaga secara pukal.

(d) Menggalakkan Kedai Pakaian Mimi menjelaskan hutang dengan segera.

(e) • Terdapat butiran yang tertinggal rekod dalam invois.
• Jumlah dalam invois adalah terkurang nyata.

(f) • Barang yang dipesan adalah salah jenama.
• Kedai Pakaian Mimi mengembalikan kotak pakaian kepada Pembekal Pakaian Kumar.

(g) Dalam bentuk cek

(h) Jumlah hutang yang perlu dibayar
= RM5 220 + RM180 – RM18
= RM5 382

(i) Jumlah hutang yang perlu dibayar pada 12 Jun 2024
= 90% × RM5 382
= RM4 843.80

(j) Jumlah hutang yang perlu dibayar pada 18 Jun 2024
= 95% × RM5 382
= RM5 112.90

Praktis 4 Buku Catatan Pertama

1.

Tarikh	Urus niaga
3 Julai 2024	Membawa masuk alatan pejabat sebagai modal tambahan.
6 Julai 2024	Mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.
10 Julai 2024	Membawa masuk perabot dari rumah untuk kegunaan perniagaan.
16 Julai 2024	Membeli kenderaan secara kredit daripada Pembekal Kereta Halim.
25 Julai 2024	Mengambil barang niaga untuk tujuan promosi.

2. **Buku Tunai Runcit**

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan	Pembayaran	Lajur Analisis			
					Alat Tulis	Pos	Belanja Pejabat	Belanja Pengangkutan
2024			RM	RM	RM	RM	RM	RM
Okt. 1	Bank		250					
	Surat khabar			31			31	
3	Setem			3		3		
8	Tambang bas			8				8
10	Kopi dan gula			23			23	
14	Pen dan kertas			22	22			
16	Sampul surat			3		3		
28	Belanja mencuci pejabat			60			60	
			250	150	22	6	114	8
31	Baki h/b			100				
			250	250				
2024								
Nov. 1	Baki h/b		100					
	Bank		150					

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 5 Lejar

(a) (i)

Akaun Kawalan Belum Terima

2024		RM	2024		RM
Apr. 1	Baki b/b	5 960	Apr. 30	Hutang Lapuk	400
30	Diskaun Diberi (dibatalkan)	120		Pulangan Jualan	140
				Diskaun Diberi	580
	Jualan	3 440		Bank	4 980
	Bank (cek tak layan)	880		Baki h/b	4 300
		10 400			10 400
Mei 1	Baki b/b	4 300			

(ii)

Akaun Kawalan Belum Bayar

2024		RM	2024		RM
Apr. 30	Pulangan Belian	100	Apr. 1	Baki b/b	5 750
	Diskaun Diterima	125	30	Faedah	25
	Bank	2 680		Angkutan Masuk	350
	Baki h/b	7 220		Belian	4 000
		10 125			10 125
			Mei 1	Baki b/b	7 220

(b) (i) Jumlah jualan = Jualan tunai + Jualan kredit
= RM3 500 + RM3 440
= RM6 940

(ii) Jumlah belian = Belian tunai + Belian kredit
= RM1 000 + RM1 900 + RM4 000
= RM6 900

Praktis 6 Imbangan Duga

Perniagaan Sharifah
Imbangan Duga pada 31 Julai 2024

	Debit RM	Kredit RM
Belian	98 000	
Jualan		156 800
Pulangan Keluar		1 500
Kadar Bayaran	1 380	
Insurans	900	
Gaji	5 400	
Bank (overdraf)		6 800
Akaun Belum Terima	21 800	
Akaun Belum Bayar		22 400
Inventori pada 1 Ogos 2023	14 130	
Premis (kos)	70 000	
Kenderaan (kos)	36 000	
Ambilan	2 540	
Pulangan Masuk	1 220	

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Angkutan Masuk	750	
Angkutan Keluar	660	
Faedah atas Overdraf Bank	340	
Modal		65 620
	253 120	253 120

Praktis 7 Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan

1. (a)

Perniagaan Mimi
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

	RM	RM		RM	RM
Inventori Awal		7 560	Jualan	69 300	
Belian	34 700		*Tolak:* Pulangan Masuk	(1 290)	68 010
Tolak: Pulangan Keluar	(700)				
Belian Bersih	34 000				
Tambah: Angkutan Masuk	750				
Upah atas Belian	800	35 550			
Kos Barang untuk Dijual		43 110			
Tolak: Inventori Akhir		(7 240)			
Kos Jualan		35 870			
Untung Kasar		32 140			
		68 010			68 010
Insurans		1 740	Untung Kasar		32 140
Kadar Bayaran		2 400	Sewa Diterima		10 800
Promosi		580	Komisen Diterima		1 440
Angkutan Keluar		630			
Gaji		12 600			
Untung Bersih		26 430			
		44 380			44 380

(b)

Perniagaan Mimi
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024

	RM	RM		RM
Aset Bukan Semasa			**Ekuiti Pemilik**	
Kenderaan	20 000		Modal	71 570
Perabot	3 500		*Tambah:* Untung Bersih	26 430
Alatan Pejabat	5 700		*Tolak*: Ambilan	(440)
Premis	45 000	74 200		97 560
Aset Semasa				
Bank	13 800		**Liabiliti Semasa**	
Tunai	2 500		Akaun Belum Bayar	2 120
Akaun Belum Terima	1 940			
Inventori Akhir	7 240	25 480		
		99 680		99 680

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. (a)

Perniagaan Fiona
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 2024

	RM	RM	RM
Jualan		76 400	
Tolak: Pulangan Jualan		(500)	75 900
Tolak: **Kos Jualan**			
Inventori Awal		12 470	
Belian	37 800		
Tolak: Pulangan Belian	(1 070)		
Belian Bersih	36 730		
Tambah: Angkutan Masuk	1 050		
		37 780	
Kos Barang untuk Dijual		50 250	
Tolak: Inventori Akhir		(11 600)	
Kos Jualan			(38 650)
Untung Kasar			37 250
Tambah: **Hasil**			
Diskaun Diterima		840	
Sewa Diterima		7 200	8 040
			45 290
Tolak: **Belanja**			
Diskaun Diberi		760	
Angkutan Keluar		850	
Insurans		780	
Gaji		10 800	
Kadar Bayaran		1 680	
Alat Tulis		120	
Faedah atas Pinjaman Bank		800	
Komisen Diberi		550	
Belanja Am		420	
			(16 760)
Untung Bersih			28 530

(b)

Perniagaan Fiona
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2024

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan		24 000	
Alatan Pejabat		5 600	
Premis		37 200	66 800
Aset Semasa			
Tunai	1 430		
Bank	7 500		
Akaun Belum Terima	9 400		
Inventori Akhir	11 600	29 930	
Tolak: **Liabiliti Semasa**			
Akaun Belum Bayar		(8 750)	
Modal Kerja			21 180
			87 980
Dibiayai oleh:			
Ekuiti Pemilik			
Modal			50 390
Tambah: Untung Bersih			28 530
			78 920

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tolak: Ambilan	(940)
Modal Akhir	77 980
Liabiliti Bukan Semasa	
Pinjaman Bank	10 000
	87 980

Praktis 8 Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal

(a) **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
			RM	**RM**
(ii)	Akaun Belum Terima Jualan (Merekod jualan kredit)		360	360
(iii)	Hutang Lapuk Akaun Belum Terima (Merekod hutang lapuk)		200	200
(iv)	Belanja Hutang Ragu [5% × (8 000 + 360 – 200)] Peruntukan Hutang Ragu (Merekod belanja hutang ragu)		408	408
(v)	Insurans [(120 × 12) – 1250] Insurans Belum Bayar (Merekod insurans belum bayar)		190	190
(vi)	Kadar Bayaran Prabayar Kadar Bayaran (Merekod kadar bayaran prabayar)		300	300
(vii)	Susut Nilai Kenderaan [15% × (28 000 – 5 600)] Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (Merekod susut nilai kenderaan)		3 360	3 360
(viii)	Susut Nilai Premis (5% × 160 000) Susut Nilai Terkumpul Premis (Merekod susut nilai premis)		8 000	8 000
(ix)	Susut Nilai Perabot [10% × (12 000 – 1 200)] Susut Nilai Terkumpul Perabot (Merekod susut nilai perabot)		1 080	1 080
(x)	Gaji Gaji Belum Bayar (Merekod gaji belum bayar)		500	500

(b) **Perniagaan Jane**
Imbangan Duga pada 31 Julai 2024

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Ogos 2023		146 470
Tunai	780	
Bank	19 000	
Akaun Belum Terima (8 000 + 360 – 200)	8 160	
Akaun Belum Bayar		5 300
Inventori pada 1 Ogos 2023	2 450	
Belian	37 000	
Jualan (80 000 + 360)		80 360
Pulangan Belian		140

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pulangan Jualan	170	
Kenderaan	28 000	
Premis	160 000	
Perabot	12 000	
Susut Nilai Kenderaan	3 360	
Susut Nilai Premis	8 000	
Susut Nilai Perabot	1 080	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (5 600 + 3 360)		8 960
Susut Nilai Terkumpul Premis (32 000 + 8 000)		40 000
Susut Nilai Terkumpul Perabot (1 200 + 1 080)		2 280
Insurans (120 × 12)	1 440	
Insurans Belum Bayar		190
Kadar Bayaran (2 400 – 300)	2 100	
Kadar Bayaran Prabayar	300	
Gaji (6 500 + 500)	7 000	
Gaji Belum Bayar		500
Sewa Diterima		6 840
Hutang Lapuk	200	
Belanja Hutang Ragu	408	
Peruntukan Hutang Ragu		408
	291 448	291 448

(c)

Perniagaan Jane
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024

	RM	RM	RM
Jualan			80 360
Tolak: Pulangan Jualan			(170)
			80 190
Tolak: **Kos Jualan**			
Inventori Awal		2 450	
Belian	37 000		
Tolak: Pulangan Belian	(140)		
Belian Bersih		36 860	
Kos Barang untuk Dijual		39 310	
Tolak: Inventori Akhir		(1 600)	
Kos Jualan			(37 710)
Untung Kasar			42 480
Tambah: **Hasil**			
Sewa Diterima			6 840
			49 320
Tolak: **Belanja**			
Hutang Lapuk		200	
Belanja Hutang Ragu		408	
Insurans		1 440	
Kadar Bayaran		2 100	
Gaji		7 000	
Susut Nilai Kenderaan		3 360	
Susut Nilai Premis		8 000	
Susut Nilai Perabot		1 080	
			(23 588)
Untung Bersih			25 732

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d)

Perniagaan Jane
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024

	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa	**Kos**	**Susut Nilai Terkumpul**	**Nilai Buku**	
Kenderaan	28 000	(8 960)	19 040	
Premis	160 000	(40 000)	120 000	
Perabot	12 000	(2 280)	9 720	
				148 760
Aset Semasa				
Inventori Akhir			1 600	
Akaun Belum Terima		8 160		
Tolak: Peruntukan hutang ragu		(408)	7 752	
Kadar Bayaran Prabayar			300	
Tunai			780	
Bank			19 000	
			29 432	
Tolak: **Liabiliti Semasa**				
Insurans Belum Bayar		190		
Gaji Belum Bayar		500		
Akaun Belum Bayar		5 300	(5 990)	
Modal Kerja				23 442
				172 202
Dibiayai oleh:				
Ekuiti Pemilik				
Modal				146 470
Tambah: Untung Bersih				25 732
				172 202

Praktis 9 Pembetulan Kesilapan

1. (a)

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2024			**RM**	**RM**
(i)	Belian		36	
	Akaun Belum Bayar			36
	(Pembetulan kesilapan: Merekod kesilapan amaun)			
(ii)	Akaun Belum Terima: Lina		530	
	Akaun Belum Terima: Kedai Lisa			530
	(Pembetulan kesilapan: Merekod kesilapan komisen)			
(iii)	Perabot		800	
	Belian			800
	(Pembetulan kesilapan: Merekod kesilapan prinsip)			
(iv)	Akaun Belum Bayar		390	
	Bank			390
	(Pembetulan kesilapan: Merekod kesilapan ketinggalan)			
(v)	Pulangan Belian		40	
	Pulangan Jualan			40
	(Pembetulan kesilapan: Merekod kesilapan saling mengimbangi)			

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b)

Akaun Belian

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	33 160	Sept.30	Perabot	800
				Baki h/b	32 396
	Akaun Belum Bayar	36			33 196
		33 196			
Okt. 1	Baki b/b	32 396			

Akaun Belum Bayar

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Bank	390	Sept.30	Baki h/b	16 300
	Baki b/b	15 946		Belian	36
		16 336			16 336
			Okt. 1	Baki b/b	15 946

Akaun Belum Terima: Lina

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	9 700	Sept.30	Baki h/b	10 230
	Akaun Belum Terima (Lisa)	530			
		10 230			10 230
Okt. 1	Baki b/b	10 230			

Akaun Belum Terima: Lisa

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	6 000	Sept.30	Akaun Belum Terima (Lina)	530
				Baki h/b	5 470
		6 000			6 000
Okt. 1	Baki b/b	5 470			

Akaun Perabot

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	6 000	Sept.30	Baki h/b	6 800
	Perabot	800			
		6 800			6 800
Okt. 1	Baki b/b	6 800			

Akaun Bank

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	10 000	Sept.30	Akaun Belum Bayar	390
				Baki h/b	9 610
		10 000			10 000
Okt. 1	Baki b/b	9 610			

Akaun Pulangan Belian

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Pulangan Jualan	40	Sept.30	Baki h/b	850
	Baki b/b	810			
		850			850
			Okt. 1	Baki b/b	810

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Akaun Pulangan Jualan

2024		RM	2024		RM
Sept.30	Baki b/b	1 240	Sept.30	Pulangan Belian	40
				Baki h/b	1 200
		1 240			1 240
Okt. 1	Baki b/b	1 200			

(c)

Perniagaan Rui Ping
Imbangan Duga pada 30 September 2024

	Debit RM	Kredit RM
Akaun lain yang berbaki debit	38 160	
Akaun lain yang berbaki kredit		31 510
Bank	9 610	
Belian	32 396	
Jualan		59 680
Pulangan	1 200	810
Perabot	6 800	
Belanja Am	420	
Kadar Bayaran	1 160	
Ambilan	2 500	
Akaun Belum Terima: Lina	10 230	
Akaun Belum Terima: Kedai Lisa	5 470	
Akaun Belum Bayar		15 946
	107 946	107 946

2. (a)

Perniagaan Zahid
Penyata Menyelaras Untung Kasar bagi tahun berakhir 30 September 2024

	RM
Untung kasar sebelum pelarasan	27 800
Tambah: Inventori akhir terkurang nilai	390
	28 190
Tolak: Angkutan masuk	(620)
Untung kasar selepas pelarasan	27 570

(b)

Perniagaan Zahid
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2024

	RM	RM
Untung Kasar		27 570
Tambah: **Hasil**		
Komisen Diterima (1 200 – 120)	1 080	
Hutang Lapuk Terpulih	280	1 360
		28 930
Tolak: **Belanja**		
Hutang Lapuk (580 – 280)	300	
Komisen Diberi (320 + 120)	440	
Angkutan Keluar (1 400 – 620)	780	
Sewa (6 800 – 200)	6 600	
Gaji (4 200 + 200)	4 400	(12 520)
Untung Bersih		16 410

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.